

KHUTBAH JUMAAT

“MURAQABAH DAN IHSAN DALAM RAMADAN”

(27 Februari 2026M/ 9 Ramadan 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِلْإِسْلَامِ، وَوَفَّقَنَا لِإِدْرَاكِ شَهْرِ الصِّيَامِ وَالْقِيَامِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْعَلَّامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْأَنَامِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَيْرِ مَنْ صَلَّى وَصَامَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْكَرَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya, dan meninggalkan segala tegahan-Nya. Lakukanlah ibadah puasa, solat, tilawah dan qiyam dengan sebaik-baiknya. Semoga rahmat dan keberkatan daripada-Nya sentiasa mendampingi kita.

Berikan tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari perkara-perkara *lagha*, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk, **"Muraqabah Dan Ihsan Dalam Ramadan"**.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala* kerana kita masih diberikan kesempatan untuk berada di bulan Ramadan al-Mubarak. Bulan ini menyuntik ketenangan jiwa, menghidupkan hati yang merindukan keampunan dan menyuburkan lagi benih-benih takwa. Marilah bersama-sama kita mengisi bulan ini dengan ibadah dan ketaatan serta memastikan zahir dan batin kita mencerminkan keimanan dan ketaqwaan. Semoga penghujung perjalanan ini diserikan dengan lailatul qadar dan keberkatan.

Ibadah puasa adalah ibadah rahsia yang istimewa. Sebabnya, hanya Allah *subhanahu wata'ala* sahaja yang mengetahui sama ada kita benar-benar berpuasa atau sebaliknya, bukan sahaja dari makan dan minum, tetapi juga dari sudut tuturkata, penglihatan, dan anggota badan yang lain, bermula daripada terbitnya fajar hingga terbenamnya matahari.

Oleh itu, ibadah puasa menuntut keikhlasan dan kesedaran bahawa Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa memerhati setiap tingkahlaku dan tutur bicara kita. Inilah yang disebut sebagai muraqabah – merasakan diri diawasi oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam setiap keadaan dan ketika. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-'Alaq, ayat 14:

أَلَمْ يَعْلَم بِأَنَّ اللَّهَ يَرَىٰ (١٤)

Maksudnya: Tidakkah dia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat (segala amal perbuatannya dan membalasnya)?

Jika kita memiliki sifat muraqabah, kita akan cuba untuk memperbaiki diri dan perbuatan, walaupun tanpa pengetahuan orang lain. Ia amat berkait rapat dengan nilai ihsan, malah merupakan langkah pertama untuk mencapainya.

Apakah pula erti ihsan? Untuk menjawab soalan ini, Abu Hurairah *radiallahu anhu* ada meriwayatkan sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang berbunyi:

((... أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ ...))

Maksudnya: ... (*Ihsan adalah beribadah kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, namun jika kamu tidak dapat melihat-Nya, ketahuilah bahawa Dia sentiasa melihatmu ...*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Ihsan membawa maksud berkelakuan sebaik mungkin dalam setiap perkara, kerana didorong oleh kesedaran bahawa Allah *subhanahu wata'ala* adalah Ar-Raqīb, yang sentiasa mengawasi kita.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Muraqabah dan ihsan adalah dua nilai yang saling berkait rapat. Apabila pengawasan Allah (muraqabah) dirasakan dan dijiwai oleh kita, maka sifat itu akan menghalang kita daripada melakukan dosa dan kesalahan dengan sengaja. Pada masa yang sama, kita akan berusaha untuk melakukan setiap perkara dengan cara yang terbaik (ihsan). Ini berlaku dalam ibadah, interaksi sesama makhluk, malah dalam semua aspek kehidupan. Justeru, marilah kita berazam dan

berusaha, melalui latihan ibadah puasa pada bulan ini, agar nilai muraqabah dan ihsan dapat diterapkan dalam kehidupan seharian kita, termasuk dalam beberapa aspek berikut:

Pertama: Dalam diri sendiri dan keluarga.

Sifat muraqabah akan membentuk peribadi kita sebagai mukmin yang terbaik. Kita akan menyantuni keluarga dengan penuh kasih sayang, kejujuran, dan tanggungjawab. Kita tidak menganiaya, mengguris perasaan, atau mengabaikan mereka. Kita juga akan bersedia untuk membantu sanak saudara yang berada dalam kesulitan, kerana mungkin kita diberikan sedikit kelebihan nikmat oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Apa yang penting adalah kesedaran dalam diri bahawa kita sendiri bergantung kepada bantuan Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua: Dalam masyarakat.

Sifat muraqabah akan menjadikan kita individu yang bersikap adil dan prihatin terhadap sesama manusia. Kita meleraikan perbalahan, membantu golongan yang memerlukan, dan tidak meremehkan masalah yang dihadapi orang lain. Kita menjaga kebersihan alam sekitar, menolak pencemaran, tidak boros dalam berbelanja, tidak berlebihan sehingga membazir makanan dan minuman, terutama di bulan Ramadan. Kita juga berhemat dalam penggunaan sumber tenaga dan air, termasuk apabila berwuduk.

Ketiga: Dalam Pekerjaan.

Sifat muraqabah menjadikan kita pekerja yang jujur, berdisiplin, dan

bertanggungjawab. Kita menyelesaikan tugas tepat pada waktu, tidak “mencuri tulang”, dan tidak menyalahgunakan kuasa. Kita percaya bahawa bersikap ihsan dalam pekerjaan (melakukan tugas dengan sebaik mungkin) membawa keberkatan dan kejayaan.

Keempat: Dalam Menghadapi Ujian Hidup.

Seorang mukmin yang memiliki sifat muraqabah menghadapi ujian hidup dengan sabar dan tawakal. Ia membantu mengatasi rasa kekosongan, kerana yakin bahawa Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa mendampingi dan memberikan jalan keluar. Kita tetap cekal ketika dihipit masalah kewangan, diduga dengan penyakit, atau kehilangan orang yang dicintai. Kita menjadi hamba yang lebih bersyukur apabila urusannya diringankan. Dalam erti kata lain, ujian yang dihadapi dengan sifat muraqabah dan ihsan menjadi peluang untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan, bukannya melunturkan dan melemahkan.

Justeru, janganlah kita sia-siakan Ramadan ini. Bersama-samalah kita menjadikannya sebagai medan latihan untuk memupuk dan menyemai sifat muraqabah dan ihsan. Perbanyakkanlah doa, istighfar, sedekah, membaca al-Quran dan usaha memperbaiki akhlak. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menerima amalan kita dan menjadikan kita dalam kalangan hamba-Nya yang bertakwa.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Umat Islam hendaklah menyemai sifat muraqabah dan ihsan dalam kehidupan.

Kedua: Sifat muraqabah akan menghalang kita daripada melakukan dosa dan kesalahan dengan sengaja kerana menyedari bahawa Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa mengawasi kita.

Ketiga: Sifat ihsan akan mendorong kita untuk berusaha melakukan setiap perkara dengan cara yang terbaik sama ada dalam ibadah, interaksi sesama makhluk, malah dalam semua aspek kehidupan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hadid, ayat 4:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ ۚ
يَعْلَمُ مَا يَلْبِغُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ
فِيهَا ۚ وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ ۚ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ (٤)

Maksudnya: Dialah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa, kemudian Dia istawa di atas Arasy. Dia mengetahui apa-apa yang masuk ke dalam bumi dan apa-apa yang keluar dari dalamnya, apa-apa yang turun dari langit dan apa-apa yang naik ke sana dan Dia bersama kamu di mana-mana sahaja kamu berada. Dan Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu lakukan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim cuaca panas dan hujan yang silih berganti ini, khatib menyeru agar kita sentiasa menjaga kesihatan diri dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

Selain itu, teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Imam at-Tabarani *rahimahullah* meriwayatkan daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... وَأَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا فَالنَّارُ أُولَى بِهِ))

Maksudnya: Sesiapa sahaja daripada kalangan manusia, dagingnya itu tumbuh dari perkara yang haram dan amalan riba, api

nerakalah yang patut (untuk membakar dan menghilangkan) daging tersebut.

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang memudaratkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang

akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepadaMu sepanjang bulan yang agung ini Ya, Allah.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.